


# MAKLUMAT PESAKIT

Ubat Untuk Merawat

## Penyakit Tekanan Darah Tinggi

*Penghalang  
“Alpha Adrenergik”*

*Prazosin*



Medicine To Treat: Hypertension

*Alpha - Adrenergic Blocker*

## **APAKAH KEGUNAAN PENGHALANG ALPHA 1 - ADRENERGIK?**

Agen ini bertindak secara menangkis tindakbalas bahan-bahan yang menyebabkan saluran darah menyempit. Akibatnya saluran darah mampu membesar dan menurunkan tekanan darah.

## **APAKAH KESAN SAMPINGAN YANG MUNGKIN DIALAMI ?**

Ubat ini boleh menurunkan tekanan darah dengan banyak jika terjadi perubahan kedudukan tubuh badan seseorang. Perubahan kedudukan tubuh badan terutama daripada keadaan berbaring kepada keadaan berdiri boleh menyebabkan rasa pitam atau rasa ingin pengsan. Namun tanda-tandanya adalah sementara sahaja. Kesan sampingan yang lain adalah sakit kepala dan degupan jantung yang tidak menentu. Ia juga boleh menyebabkan rasa ingin buang air kecil yang tidak terkawal pada pesakit (urinary incontinence).

*Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak*

## **APAKAH LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN YANG HARUS SAYA AMBIL?**

Anda perlu mengelakkan perubahan kedudukan tubuh badan secara tiba-tiba bagi mengurangkan kesan sampingan seperti pitam terutama sejurus selepas dos yang pertama.

## **APAKAH HARUS SAYA BUAT SEKIRANYA SAYA TERLUPA SATU DOS?**

Sekiranya anda tertinggal satu dos, ambillah dos yang tertinggal itu sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya masa untuk dos yang tertinggal itu berhampiran dengan dos yang selanjutnya teruskan dengan dos kebiasaan anda tanpa mengambil dos tambahan.

## **BAGAIMANAKAH SAYA HARUS MENYIMPAN UBAT SAYA ?**

- Simpan ubat anda di tempat yang sejuk, kering dan terpelihara dari kelembapan, kepanasan dan sinaran tepat matahari, kecuali diarahkan.
- Simpan ubat di dalam bekas aslinya yang berlabel. Jangan campur-adukkan ubat-ubat yang lain dalam satu bekas.

*Buang kesemua ubat yang telah lama atau tidak diperlukan lagi*